

NO. SOALAN: 246

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

RUJUKAN : 7282

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes tembakan jenayah yang berlaku di Daerah Manjung, Perak bagi tahun-tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014 dan kenapa senjata api begitu berleluasa di tangan penjenayah-penjenayah ini.

JAWAPAN:

Kementerian amat peka untuk memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin dari sebarang ancaman yang boleh menggugat kestabilan negara terutamanya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api sama ada dalam kes bunuh atau cuba bunuh atau samun bersenjata api dan samun berkawan bersenjata api.

Pada tahun 2011 sebanyak 160 unit pelbagai jenis senjata api berjaya dirampas, tahun 2012 sejumlah 199 unit, tahun 2013 sejumlah 292 unit dan tahun 2014 (Januari - Ogos) sebanyak 166 unit senjata api haram pelbagai jenis dapat dirampas.

Dalam risikan pihak Polis, penggunaan senjata api haram masih lagi berlaku kerana kebanyakan senjata api haram digunakan oleh kumpulan kongsi gelap dan sindiket pengedaran dadah. Penggunaan senjata api haram selain daripada tujuan untuk merompak ianya digunakan untuk tujuan berikut:-

- i) Berebut kawasan kepentingan berkaitan dengan aktiviti kongsi gelap. Daripada siasatan pihak Polis ianya dilakukan oleh bekas-bekas banduan Ordinan Darurat yang dibebaskan selepas pemansuhan Ordinan tersebut. Persengketaan berlaku antara kumpulan yang sedia ada dengan bekas banduan yang ingin kembali menguasai kawasan tersebut. Dalam siasatan Polis mendapati suspek**

yang ditangkap atau mangsa yang ditembak adalah terdiri daripada bekas banduan berkenaan.

- i) Peningkatan aktiviti dadah merbahaya mencetuskan pertelingkahan antara sindiket pengedaran dadah untuk menguasai kegiatan haram ini dan juga mempertahankan kawasan yang dikuasainya, dan di mana senjata api sering digunakan untuk menyelesaikan masalah mereka.**
- ii) Penggunaan senjata api dilihat lebih dominan oleh penjenayah kerana lebih ditakuti oleh mangsa dan bagi kongsi gelap dan sindiket pengedaran dadah akan menunjukkan status atau kehebatan kumpulan tersebut.**
- iii) Kebanyakan senjata api dipercayai diseludup daripada luar negara kecuali senjata api buatan sendiri. Kedudukan geografi negara yang mempunyai sempadan laut dan daratan yang luas menyukarkan pihak berkuasa untuk membanteras penyeludupan senjata api berkenaan.**

Statistik kes tembak jenayah bagi daerah Manjung, Perak bagi tahun 2008 sehingga 2014 (ogos) seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH KES
2014 (JAN - SEPTEMBER)	3
2013	1
2012	2
2011	0
2010	0
2009	0
2008	1
JUMLAH	7

Pihak Polis sentiasa mempertingkatkan usaha untuk mengekang penggunaan senjata api secara haram melalui operasi yang dijalankan seperti Ops Cantas Khas, Ops Api (bagi senjata api yang berada dalam negara) dan Ops Laras (bagi senjata api yang diseludup) secara berterusan dengan skala yang lebih besar.